

**PENCEMARAN UDARA. TUMPUAN KAJIAN MASALAH PENCEMARAN
UDARA DI DAERAH KINTA, IPOH PERAK**

OLEH

ZULKARNAIN BIN MOHD YAMAN 96043418

SAFIAN BIN ABDUL SHUKOR 95870932

MOHD KHAIR BIN SHAARI 95865062

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
SRI MANJUNG**

2000

10 OKTOBER 2000

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t kerana atas limpah kurnianya serta hidayatnya dan taufiqNya membolehkan kami menyelesaikan Kertas Projek ini. Pertama sekali kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami Encik Mohd Fauzi bin Harun kerana telah sudi meluangkan masa dan tenaganya dalam memberikan komen dan tunjukajar khususnya untuk membolehkan kami menghasilkan kajian ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama yang begitu erat di sepanjang kajian ini dijalankan. Segala bantuan, kerjasama, dorongan dan sokongan amat kami hargai.

Mohd Khair bin Shaari

Sufian bin Abdul Shukur

Zulkurnain bin Mohd Yaman

Oktober 2000

SINOPSIS

Masalah pencemaran alam sering diperkatakan oleh masyarakat dunia. Ianya satu masalah yang global kerana setiap perlakuan pencemaran oleh sesebuah negara akan turut melibatkan kesannya terhadap negara-negara lain. Pelbagai pihak samada kerajaan atau pun badan bukan kerajaan (NGO) telah berusaha untuk memerangi masalah ini. Saban hari kita lihat pelbagai tindakan dalam bentuk kempen, penguatkuasaan undang-undang, pendidikan dan sebagainya dilakukan oleh pihak-pihak yang mengambil berat tentang pencemaran alam. Hasilnya kita dapati dunia yang kita huni ini masih terpelihara walaupun tidak sepenuhnya sebagaimana yang dihajatkan oleh kita. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan pula semakin banyak samada bertindak untuk dalam negara ataupun peringkat antarabangsa. Antara yang paling berpengaruh ialah Greenpeace, WWF, Sahabat Alam Malaysia dan berbagai lagi.

Di peringkat kerajaan pula Malaysia contohnya, sebuah kementerian khusus ditubuhkan untuk menangani masalah dan keperluan alam sekitar. Kementerian ini dinamakan sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang diketuai oleh Dato' Law Heng Deng. Fungsinya begitu jelas dan ianya dimainkan secara aktif dan berkesan oleh Jabatan Alam Sekitar yang bertanggungjawab secara langsung kepada menteri tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah alam sekitar. Bagi menentukan segala peranan dan tugas dilaksanakan dengan berkesan, parlimen telah meluluskan beberapa akta yang berkaitan dengan alam sekitar seperti Akta Kualiti alam Sekeliling, 1974 dan

	KANDUNGAN	
		HALAMAN
HALAMAN JADUAL		I
PENGAKUAN		II
PENGHARGAAN		III
SINOPSIS (BAHASA MELAYU)		V
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)		VI
KANDUNGAN		VII
SENARAI SINGKATAN		XI
SENARAI JADUAL		XII
SENARAI RAJAH		XVI
SENARAI PETA		XIX
SENARAI LAMPIRAN		XX
 BAB		
1 PENDAHULUAN		
1.1 Pengenalan dan Penyataan Masaalah		01
1.2 Objektif Kajian		05
1.3 Metodologi Kajian		06
1.4 Kajian-Kajian Lepas		07
1.5 Hipotasis		07
1.6 Skop Kajian		08
1.7 Kepentingan Kajian		09
1.8 Sekatan Masaalah		09
1.9 Organisasi Kajian		10

BAB I

KAJIAN KESAN PENCEMARAN UDARA DI DAERAH KINTA

1.1 Pernyataan Dan Pengenalan Masalah

Lapisan ais di Antartika yang kian menipis disebabkan oleh suhu bumi yang kian meningkat, Sungai Yamuna yang membawa kolera, malaria dan jaundais akibat dari pembuangan mayat, bangkai, najis dan sampah sarap, hidupan mamalia yang menjadi sumber tarikan di Afrika Selatan yang kian pupus adalah di antara contoh-contoh bumi yang kita huni ini kian terancam dan semakin tidak selamat kepada penduduknya. Masalah pencemaran alam sekitar adalah suatu yang global , apa yang dilakukan di Malaysia akan turut mengakibatkan penduduk dunia dan begitulah sebaliknya. Di negara ini kejadian tanah runtuh, sungai diracuni dengan sisa toksik, asap atau jerebu sudah menjadi kelaziman dan kita seolah-olah tidak lagi peduli kerana dikesampingkan oleh perkara-perkara ekonomi dan politik yang dianggap lebih penting. Memang benarlah seperti Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Telah berlaku kerosakan di daratan dan lautan akibat dari perbuatan tangan-tangan manusia supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”¹

Di negara kita berbagai kejadian yang dikaitkan secara langsung akibat dari

¹ Al Quran Surah Ar Ruum Ayat 41